From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 2 April, 2023 11:55:08 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FASILITI BERKONSEPKAN PENYAYANG BERIKAN KESELESAAN KEPADA PELANGGAN

UUM Corporate Communication
Universiti Utara Malaysia

Your Reliable DIGITAL INFORMATION UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | *THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*

2 APRIL 2023 / 11 RAMADAN 1444H
==========

Oleh: Syamimi Mohd Zaini
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

FASILITI BERKONSEPKAN PENYAYANG BERIKAN KESELESAAN KEPADA PELANGGAN



UUM ONLINE: Orang ramai khususnya warga kampus yang mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan dapat merasakan suasana yang kondusif di U-Assist.

Fasiliti yang ada berkonsepkan santai dan layanan mesra itu menarik minat Prof. Dr. Andanastuti Muchtar, Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Tahniah kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana menyediakan tempat yang indah dan kondusif kepada pelajar, selain membantu pelajar menyelesaikan permasalahan pengajian dan juga urusan visa,” jelasnya.

Tambah beliau lagi, ruang menunggu yang selesa di samping penyediaan air minuman adalah sangat baik.





“U-Assist berkonsepkan penyayang kepada semua pelajar. Tahniah kepada UUM,” kata Andanastuti.

Bagi Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah Saikim, Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), beliau tertarik dengan konsep U-Assist sebagai ‘*One Stop Center’* UUM.

Beliau yang juga Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS berkata, pelajar hanya tertumpu di satu tempat sahaja untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan disediakan.

Prof. Dr. Andanastuti dan Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah adalah sebahagian daripada 38 peserta program *The International Deans Course Malaysia Chapter-Cycle 3* (MyIDC 3) anjuran bersama Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

UUM Official uum.edu.my Universiti Utara Malaysia (Official FB) uumofficial uumnews uuminfo UUM Official
UUM TODAY UUM Today UUMToday UUMtoday UUMtoday UUMToday
Contact Us: ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3048 | 3097

Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.